

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ("LMP") ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Produk ini.

Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ("Bank") jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.



Tarikh: _____

1. Apakah Bank Guarantee-/(BG-)?

BG-*i* adalah merujuk kepada akujanji/jaminan bertulis yang dikeluarkan oleh pihak Bank di atas permintaan pelanggan (pemohon) kepada pihak ketiga (benefisiari) bagi menjamin sesuatu obligasi pelanggan.

Jaminan ini adalah obligasi Bank bagi menjamin pembayaran sejumlah wang yang telah ditetapkan kepada pihak ketiga sekiranya pelanggan (pemohon) gagal untuk menjelaskan hutangnya atau mengingkari syarat-syarat kontrak yang telah dipersetujui.

Konsep Syariah yang digunakan

Kafalah Bil Ujrah

Kafalah Bil Ujrah bermaksud jaminan dengan bayaran/upah. Konsep ini memerlukan penjamin secara langsung menanggung rugi/menjamin orang yang dijamin (pelanggan) dan penerima jaminan (benefisiari). Penjamin juga hendaklah mengetahui barangan dan perkhidmatan yang dijamin dalam kontrak *Kafalah* tersebut untuk memastikan ianya tidak bercanggah dengan syariah, memudahkan proses pengembalian hak sebagai benefisiari sekiranya terdapat tuntutan, sebagai contoh nilai hutang yang dijamin dan sebagainya.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi pembiayaan perniagaan ini, sebagai ilustrasi:

- Jumlah jaminan anda: **RM1,000,000.00**
- Tempoh jaminan anda: **350 hari**
- Kadar komisen: **1.25% p.a.**

Secara keseluruhan anda akan membayar RM11,986.20 sebagai komisen untuk tempoh jaminan selama 350 hari.

Nota:

Bagi BG-*i*,

a) Kriteria Kelayakan

- Terbuka kepada semua individu/bukan individu sama ada diperbadankan atau pun tidak diperbadankan.
- Syarat-syarat kelayakan adalah mengikut polisi semasa Bank.

b) Tempoh Jaminan: Bergantung kepada tempoh kontrak.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum menandatangani.



Bayar kewajipan pembiayaan anda tepat pada masa dan sepenuhnya berdasarkan **tempoh pembiayaan**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal.



Hubungi kami segera sekiranya anda tidak dapat membayar pembiayaan anda.

Anda perlu membayar fi dan caj berikut:

- **Duti Setem:** Seperti yang termaktub di bawah Akta Setem 1949.
- **Pindaan (jika berkenaan):** Komisyen dikenakan hanya dari tarikh pindaan hingga tarikh tamat baru dan / atau tambahan amaun.
- **Pos/Kurier/Pemindahan:** Minimum RM10.00 atau kos sebenar, bergantung kepada jenis bayaran yang digunakan.
- **Caj lain-lain:** Penggantian Bank Guarantee-*i* yang hilang (jika ada).
- **Caj Guaman & Pengeluaran:** Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi Kemudahan, pendaftaran gadaian, carian tanah, carian kebangkrutan/mufli, carian penutupan syarikat dan caj-caj lain yang berkaitan (jika berkenaan).
- **Sumbangan Takaful:** Berdasarkan jumlah perlindungan yang diambil untuk pembiayaan.

Nota: Fi dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika ada) atau apa-apa cukai lain yang ditetapkan Kerajaan.

3. Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

1. Bank berhak **menolak** wang dari akaun simpanan anda untuk bayaran tertunggak atau baki pembiayaan perniagaan anda.
2. Bank berhak untuk mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda dan/atau penjamin (jika berkenaan).
3. **Skor kredit** anda mungkin terjejas yang akan menyebabkan permohonan pembiayaan lain pada masa hadapan menjadi lebih sukar atau mahal.

4. Terma Penting Lain

1. Sekiranya anda telah gagal dalam melaksanakan tanggungjawab atau pun telah melanggar syarat kontrak, benefisiari berhak membuat tuntutan ke atas Bank Guarantee-i yang dikeluarkan kepada mereka.
2. Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
3. Anda digalakkan untuk mengambil Skim Perlindungan Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keberhutangan di bawah pembiayaan yang diberikan. Pelan perlindungan Takaful ini adalah penting untuk memastikan baki pembiayaan anda dilindungi sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau mengikut terma perlindungan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.
4. Jaminan dan/atau cagaran diperlukan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada polisi semasa Bank.

Nota: Kadar cagaran adalah seperti berikut:

- i) Kemudahan secara 1:1 (i.e. cagaran yang diletakkan adalah bersamaan nilai dengan jumlah kemudahan)
Cagaran adalah 100% dari nilai Bank Guarantee-i dalam bentuk deposit tunai dan seumpamanya.
- ii) Kemudahan secara segera (Ad-hoc) dan Komposit:
Semua jenis cagaran yang diterima pakai oleh Bank termasuk deposit tunai. Kadar penilaian cagaran adalah mengikut polisi semasa Bank.

** Kes 1:1 bermakna cagaran yang diletakkan adalah bersamaan nilai dengan jumlah kemudahan*

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan perdagangan anda, anda boleh:



Hubungi
1-300-88-2476



Lawati
[https://www.agrobank.com.my/my/
product/bank-guarantee-i/](https://www.agrobank.com.my/my/product/bank-guarantee-i/)



E-mel
customer@agrobank.com.my



Imbas kod QR di
atas

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang apa yang akan anda tandatangani.

☐

Saya mengakui bahawa Agrobank telah memberikan saya salinan LMP.

☐

Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LMP ini.

**Pengakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya terdapat pertikaian kemudiannya mengenai terma dan syarat produk.*

Nama:

Tarikh: